أربعون حديثا

في اصطناع المعروف


Kitab 40 Hadis Amal Makruf

himpunan :
Sidi Al-Imam Al-`Allamah Al-Hafiz Zakiyuddin Abdul `Azhim Al-Mundziri (656H)

dengan syarah ringkas dari:
Sidi As-Syeikh Abu Abdullah Muhammad Bin Ibrahim As-Sullami (803H)

diselenggara oleh :
PhDr. Mahmoud MrGlani As-Syazili – Al-Madinah Al-Munawwarah

alih bahasa :
Rahmat As-Syazili



Manuskrip kitab beserta syarah ringkas As-Syeikh Abu Abdullah Muhammad Bin Ibrahim As-Sullami yang disalin kira-kira pada kurun ke 13 hijrah. Al-Ustaz Muhammad Bin Tawit At-Thonji mencatat bahawa kitab 40 Hadis Amal Makruf Imam Al-Munziri telah dicetak di Syam (Syiria) pada tahun 1306H.

المملكة المغربية

وزارة الأوقاف والشؤون الإسلامية

طبع بأمر من صاحب الجلالة أمير المؤمنين الحسن الثاني نصره الله

أربعون حديثا

في اصطناع المعروف

جمع

زكي الدين أبي محمد عبد العظيم بن عبد القوي المنذري

المتوفى سنة 656 هـ

شرح وتعليق

أبي عبد الله محمد بن ابراهيم السلمي

المتوفى سنة 803هـ

تلخيص

أبي زيد عبد الرحمن بن محمد بن مخلوف الثعالبي

المتوفى سنة 875 هـ

علق عليه وقدم له المرحوم

محمد بن تاويت الطنجي

1405 هـ - 1985 م

Naskah kitab terbitan Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Maghribi pada tahun 1405H/1985M selengaraaan Al-Ustaz Muhammad Bin Tawit At-Thonji yang diselesaikan pada tahun 1962M.

Tentang Pengarang

Al-Muhaddits Al-Hafiz Al-Mutqin Syeikhul Islam Zakiyyuddin Abdul `Azhim Bin Abdul Qowiy Bin Abdullah Bin Salamah Ibnu Saad yang terkenal dengan panggilan kemasyhurannya Imam Al-Mundziri رحمه الله تعالى merupakan salah seorang tokoh Islam yang terkemuka pada kurun keenam hijrah. Waliyyullah dan mahaguru ilmu hadis ini telah dilahirkan di Ghazzah Palestin pada bulan Syaaban tahun 581H.

Selain menamatkan pengajian hadis peringkat tertinggi dengan gurunya Al-Hafiz Al-Kabir As-Syeikh Ali Ibnul Fadhl Al-Maqdisi beliau juga telah melangkah kaki ke Mekah, Damsyik, Harran, Ar-Riha, Iskandariyyah dan berbagai negeri lain dalam kembara menuntut ilmu pengetahuan dari para ilmuan Islam di zamannya.

Di kota Qaherah Imam Al-Munziri pada mulanya mengajar di Jami' Az-Zhofiri, kemudian beliau mengemban amanah ilmu di Madrasah Darul Hadis Al-Kamiliyyah selama dua puluh tahun sepenuh masa. Keberkatan ilmunya terserlah dengan berhasilnya para murid beliau yang menjadi ulama-ulama besar selepasnya seperti Al-Hafiz Abu Muhammad Ad-Dimyathi, Al-Imam Taqiyyuddin Ibnu Daqiq Al-Eid, As-Syarif `Izzuddin Al-Hafiz dan ramai lagi.

Imam Tajuddin As-Subki dalam kitabnya At-Tabaqat mengujar tentang Imam Al-Mundziri dengan katanya : "Kami mengharapkan turunnya rahmat dengan menyebut tentang beliau dan dengan ilmunya kami bermohon redho Ar-Rahman", As-Subki turut meriwayatkan : "…bahawa Imam Al-Mundziri itu punya seorang anak lelaki yang cerdas, budiman lagi alim dalam ilmu hadis, namun Allah Taala telah mengambil nyawa si anak waktu hidup ayahnya untuk menggandakan pahala si ayah lalu beliau pun menyembahyangkan jenazah anaknya itu di dalam madrasah kemudian mengiringnya hingga ke pintu hadapan, maka di situ mengalirlah air matanya seraya berkata : "Duhai anakku, aku tinggalkan dikau kepada Allah"… dari pintu madrasah Imam Al-Mundziri kembali semula ke dalam dan meninggalkan jenazah anaknya dibawa ke perkuburan.

Para ulama mensifatkan beliau sebagai peribadi yang penuh keberkatan lagi beramal dengan ilmunya, amat warak dan zuhud, ahli ibadah, doa mustajab, luas pengetahuan dalam fiqh beserta kecerdikan yang melampau. Mengenai hadis pula beliau diiktiraf sebagai mahaguru paling hafiz lagi paling alim tentang segala perincian dan selok-belok ilmu hadis di waktunya. Maka tidak hairanlah jika tercatat dalam kitab Durrotul Asror Wa tuhfatul Abror karya As-Syeikh Ibnu As-Sobbagh bahawa Saiyidina As-Syeikh Abul Hasan As-Syazili رضي الله عنه وأرضاه berkata : "Dikatakan kepadaku: "Ya Ali! Tiadalah di atas muka bumi majlis pengajian fiqh yang lebih elok dari majlis As-Syeikh 'Izzuddin bin Abdus Salam. Tiadalah di atas muka bumi majlis pengajian hadis yang lebih elok dari majlis Az-Zakiy Abdul Azhim Al-Mundziri. Tiadalah di atas muka bumi majlis pengajian hakikat yang lebih elok dari majlismu".

Al-Imam Al-Hafiz Zakiyuddin Abdul `Azhim Al-Mundziri meninggal dunia pada empat Zulkaedah tahun 656H dan makamnya di kota Qaherah, di perkuburan Al-Qarafah -semoga Allah meredhoi beliau dan mengurniai kita kemanfaatannya di dunia dan Akhirat, Allahumma amin-.



بسم الله الرحمن الرحيم

وَبِهِ نَستَعِين

Berkata As-Syeikh Al-Imam Al-`Alim Al-`Allamah Al-Kamil Sodruddin Abu Abdullah Muhammad As-Sullami As-Syafie -moga Allah merahmatinya-:

الـحَمدُ للهِ عَلَى شُمُولِ فَضلِهِ وَنِعمَتِهِ وَجَـمِيلِ إِحسَانِهِ وَعَظِيمِ مِنَّتِـهِ حَـمدًا يُوجِبُ الـمَزِيدَ مِن رِضوَانِهِ وَرَحـمَتِهِ وَعَفوِهِ وَكَـرَمِهِ وَمَغفِرَتِهِ. أَشهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ شَهَادَةَ مُقِرٍّ بِوَحدَانِيَّتِهِ وَرُبُوبِيَّتِهِ. وَأَشهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبدُهُ وَرَسُولُهُ المُصطَفَى مِن خَلِيقَتِـهِ. صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَعَلَى آلِـهِ وَصَحَابَتِهِ وَعِترَتِهِ وَعَلَى مُتَّبِعِي سُنَّتِهِ وَأَهلِ إِجَابَةِ دَعوَتِهِ. وَبَـعدُ

Segala pujian bagi Allah atas budi dan nikmatNya yang menyeluruh, lagi ehsanNya nan indah dan kurniaNya yang agung, dengan puji-pujian yang mewajibkan bertambahnya keredhoan dan rahmatNya, beserta kemaafan kepemurahan dan maghfirahNya. Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah yang Maha Esa Dia tiada sekutu bagiNya, suatu kesaksian dari seorang hamba yang mengakui ketunggalan dan ketuhananNya. Lagi aku bersaksi bahawa junjungan kami Saiyidina Muhammad adalah hamba lagi RasulNya yang tersari dari segala makhlukNya. Allah berselawat kepada Baginda, kepada keluarga, sahabat dan jalur keturunannya, berserta para pengikut sunnahnya dan mereka yang menyahut seruannya.

Waba'du.

Sesungguhnya himpunan empat puluh hadis pilihan As-Syeikh Al-Imam Al-`Allamah Zakiyyuddin Abdul `Azhim Al-Mundziri -moga Allah merahmatinya- tentang mengerjakan amal makruf kepada kaum Muslimin dan menunaikan hajat mereka yang kesusahan merupakan antara karya yang wajib diberi perhatian dan ditaati suruhannya. Sudah tersebarlah sebutan karya ini lagi terasa enak di telinga pendengarnya dan senang hati para budiman menyiarkannya.

Sungguh telah banyaklah para siswa di zaman ini yang mengaji himpunan hadis tersebut dan mengkaji pengertiannya, maka jadi termulialah karya ini di sisi mereka dan tertinggilah bahagiannya pada mereka. Memang berhak bahawa pengajarannya menjadi perhiasan peribadi mukmin dan tunduk kepadanya diri muslim, khususnya bagi insan yang diistimewakan Allah mendapat liputan nikmatNya lagi dikurniai ehsan dan keindahan budiNya.

Hanya sanya hadrat syeikh -moga Allah meredhoinya- tidak menerangkan dalam karyanya ini para imam perawi hadis-hadis itu dan sumber pilihannya dari kitab yang mana. Maka berkehendaklah aku menyuntingkan hadis-hadis tersebut kepada para siswa kerana menuntut perkongsian pahala dengan syeikh serta maksud *taqarrub* kepada Allah Taala tanpa memperpanjangkan kalam pada hukum dhaif atau soheh suatu hadis atau tentang pengenalan sanadnya dan *tarjih*nya.

Allah Taala jua yang memberi taufik kepada yang benar, kepadaNya tempat kembali dan balik. Aku juga menyusulkan bagi tiap hadisnya hadis lain yang bersesuaian dengannya, wallahu a`lam. Allah Taala memfirmankan yang benar dan Dia memberi petunjuk kepada jalan yang hak, lagi Dia jualah kecukupanku dan sebaik-baik pembelaku.

Hadis Pertama

عَن سَيِّدِنَا أَنَسٍ بِن مَالِك رَضِيَ اللهُ عَنهُ أَنَّ سَيِّدَنَا النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ قَالَ:

الـخَلقُ عِيَالُ اللهِ فَأَحَبُّ خَلقِهِ إِلَيهِ أَنفَعُهُم لِعِيَالِهِ.

Dari Saiyidina Anas Bin Malik رضي الله عنه bahawa junjungan Nabi صلى الله عليه وسلم bersabda:

"Sekalian makhluk adalah anak tanggungan Allah, maka makhluk yang paling dicintai Allah ialah yang paling memberi manfaat kepada anak tanggunganNya".

Aku berkata : Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Al-Bazzar dan Imam At-Thabrani dalam Mu'jam beliau. Adapun makna lafaz **عيال** (anak tanggungan) ialah para hamba Allah yang fakir. Demikianlah sebenarnya seluruh makhkuk adalah fakir memerlukan Allah dan Dialah yang menanggung rezeki mereka. Hadis ini didokong oleh nas yang kami riwayatkan dalam Musnad As-Syihab dari Saiyidina Abdullah Bin Abbas رضي الله عنهما dari junjungan Nabi صلى الله عليه وسلم yang telah bersabda:

2 – خَيرُ النَّاسِ أَنفَعُهُم لِلنَّاسِ.

"Sebaik-baik manusia adalah orang yang paling memberi manfaat kepada manusia".

Hadis Kedua

عَن سَيِّدِنَا كَثِيرِ بنِ عَبدِ اللهِ بنِ عَمرٍو بنِ عَوفٍ الـمُزَنِيِّ عَن أَبِيهِ عَن جَدِّهِ رَضِيَ اللهُ عَنهُم قَالَ: قَالَ سَيِّدُنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ :

إِنَّ للهِ عِبَادًا خَلَقَهُم لِـحَوَائِجِ النَّاسِ آلَى عَلَى نَفسِهِ أَلَّا يُعَذِّبَـهُم بِالنَّارِ. فَإِذَا كَانَ يَومُ القِيَامَةِ وُضِعَت لَـهُم مَنَابِرَ مِن نُورٍ يُـحَدِّثُونَ اللهَ تَعَالَى وَالنَّاسُ فِي الحِسَابِ.

Dari Saiyidina Katsir Bin Abdullah Bin `Amru Bin `Auf Al-Muzani, dari bapanya, dari datuknya berkata : Sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

"Sesungguhnya bagi Allah ada satu golongan hamba yang diciptakan olehNya buat menunaikan hajat-hajat manusia. Allah bersumpah kepada diriNya untuk tidak mengazab mereka dengan neraka. Apabila hari Kiamat akan didirikan bagi mereka minbar-minbar dari cahaya lalu mereka berbicara dengan Allah sedangkan manusia lain sedang dihisab".

Aku berkata: Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Ibnu Hibban bukan dalam kitab Sohehnya dan beliau turut meriwayatkan hadis lain dari junjungan Nabi صلى الله عليه وسلم yang berbunyi:

4- إِنَّ للهِ مِن خَلقِهِ وُجُوهًا خَلَقَهُم لِـحَوَائِجِ النَّاسِ يَرغَبُونَ فِي الآخِرَةِ وَيَعُدُّونَ الـجُودَ مَتجَرًا وَاللهُ يُـحِبُّ مَكَارِمَ الأَخلَاقِ.

"Sesungguhnya bagi Allah ada wajah-wajah kalangan hambaNya yang diciptakan olehNya buat menunai hajat-hajat manusia. Mereka gemarkan Akhirat lagi melihat bahawa sikap budiman adalah perniagaan dan Allah mencintai kemuliaan akhlak".

Hadis Ketiga

عَن سَيِّدِنَا ابنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنهُمَا قَالَ : قَالَ سَيِّدُنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ :

إِنَّ للهِ عَزَّ وَجَلَّ خَلقًا خَلَقَهُم لِـحَوَائِجِ النَّاسِ يَفزَعُ إِلَيهِمُ النَّاسُ فِي حَوَائِجِهِم أُولَئِكَ الآمِنُونَ مِن عَذَابِ اللهِ.

Dari Saiyidina Ibnu Umar رضي الله عنهما berkata : Sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

"Seungguhnya Allah telah menciptakan satu golongan yang diuntukkanNya buat menunaikan hajat-hajat manusia. Manusia lain minta tolong kepada mereka untuk mencapai hajat masing-masing. Merekalah golongan yang aman dari azab Allah".

Aku berkata: Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Abu Nu`aim dan Imam Al-Qodho'iy dalam Musnad As-Syihab. Riwayat ini turut didokong oleh hadis yang kami riwayatkan dari Saiyidina Ibnu Abbas رضي الله عنهما sabda Baginda Nabi صلى الله عليه وسلم:

6- مَن سَعَى لِأَخِيهِ الـمُسلِمِ فِي حَاجَةٍ قُضِيَتْ لَـهُ أَو لَـم تُقضَ غَفَرَ اللهُ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِن ذَنبِهِ وَمَا تَأَخَّرَ وَكُتِبَت لَهُ بَرَاءَتَانِ بَرَاءَةً مِنَ النَّارِ وَبَرَاءَةً مِنَ النِّفَاقِ.

"Barangsiapa berusaha untuk menunaikan hajat seorang saudara Muslimnya -sama ada nanti hajat itu tertunai atau tidak- nescaya Allah akan mengampuninya apa yang terdahulu dari dosanya dan apa yang terkemudian, serta dituliskan darinya dua pelepasan; lepas dari neraka dan lepas dari kemunafikan".

Hadis Keempat

عَن سَيِّدِنَا نَافِعٍ عَن سَيِّدِنَا ابنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنهُم قَالَ : قَالَ سَيِّدُنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ :
مَن قَضَى لِأَخِيهِ حَاجَةً كُنتُ وَاقِفًا عِندَ مِيزَانِهِ فَإِن رَجَحَ وَإِلَّا شَفَّعتُ لَهُ.

Dari Saiyidina Nafi', dari Saiyidina Ibnu Umar رضي الله عنهم berkata : Sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

"Barang siapa menunaikan satu hajat saudaranya nescaya aku akan berdiri dekat timbangan hisabnya; jika berat kebaikannya bahagialah dan jika tidak maka aku akan mensyafaatkan dia".

Aku berkata : Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Abu Nu`aim di dalam Al-Hilyah.

Ini adalah ganjaran agung kurniaan Allah bagi orang yang menunaikan hajat saudara mukminnya. Kami meriwayatkan dari kitab Az-Zurriyyah At-Thohiroh karya Imam Ad-Daulabi dari Saiyidina Al-Hasan Bin Ali Bin Abi Tholib رضي الله عنهما sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

8- مَا مِن عَبدٍ يَدَعُ مَعُونَةَ أَخِيهِ الـمُسلِمِ بِالسَّعيِ فِي حَاجَةٍ -قُضِيَتْ لَهُ أَو لَـم تُقضَ- إِلَّا ابْتُلِيَ بِمَعُونَةِ مَن يَأْثَمُ فِيهِ وَلَا يُؤجَرُ عَلَيهِ.

"Tidaklah seorang hamba Allah meninggalkan pekerjaan menolong saudara Muslimnya secara mengusahakan suatu hajat -sama ada tertunai atau tidak- melainkan dibalakan dia dengan pekerjaan menolong orang berbuat dosa dan dia tidak mendapat pahala"

…maka lihatlah ancaman ini betapa beratnya. Adapun makna sabda Baginda صلى الله عليه وسلم: *"…sama ada tertunai atau tidak…"* ialah seorang hamba Allah jika dia tidak menolong saudaranya terjadilah kepadanya ancaman ini walaupun Allah telah menunaikan hajat saudaranya itu. Berbahagialah insan yang ditaufikkan Allah melakukan pertolongan itu dan orang celaka ialah manusia yang tidak diperjalankan oleh Allah dalam perjalanan ini.

Hadis Kelima

عَن سَيِّدِنَا عَلِيٍّ بنِ أَبِي طَالِبٍ رَضِيَ اللهُ عَنهُ قَالَ : قَالَ سَيِّدُنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ :

مَن مَشَى فِي عَونِ أَخِيهِ وَمَنفَعَتِهِ فَلَهُ ثَوَابُ الـمُجَاهِدِينَ فِي سَبِيلِ اللهِ.

Dari Saiyidina Ali Bin Abi Tholib رضي الله عنه berkata : Sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

"Barang siapa berjalan untuk pertolongan dan kemanfaatan saudaranya maka baginya pahala para mujahidin di jalan Allah".

Aku berkata: Dekat dengan makna ini hadis yang kami riwayatkan dari kitab Makarimul Akhlak karya Al-Imam Abu Bakr Al-Kharaithi dari Saiyidina Anas رضي الله عنه bahawa Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

10 – مَن مَشَى فِي حَاجَةِ أَخِيهِ الـمُسلِمِ كَتَبَ اللهُ لَـهُ بِكُلِّ خَطوَةٍ سَبعِينَ حَسَنَةً وَكَفَّرَ عَنهُ سَبعِينَ سَيِّـئَةً فَإِن قُضِيَتْ حَاجَتُهُ عَلَى يَدَيهِ خَرَجَ مِن ذُنُوبِهِ كَـيَومِ وَلَـدَتهُ أُمُّهُ فَإِن مَاتَ فِي خِلَالِ ذَلِكَ دَخَلَ الـجَنَّـةَ بِغَيرِ حِسَابٍ.

"Barang siapa berjalan untuk menunaikan hajat saudara Muslimnya nescaya Allah menulis untuknya bagi tiap langkah tujuh puluh kebaikan dan menghapus tujuh puluh kejahatannya, jika hajat saudaranya itu tertunai olehnya keluarlah dia dari dosa-dosanya seperti hari dia dilahirkan ibunya, dan jika dia mati dalam pekerjaan itu dia akan masuk syurga tanpa hisab".

Hadis Keenam

عَن سَيِّدِنَا اِبنُ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنهُمَا قَالَ : قَالَ سَيِّدُنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ :

مَن كَانَ وَصلَةً لِأَخِيهِ الـمُسلِمِ إِلَى ذِي سُلطَانٍ فِي مَنفَعَةِ بِرٍّ أَو تَيسِيرِ عَسِيرٍ أَعَانَهُ اللهُ عَلَى إِجَازَةِ الصِّرَاطِ يَومَ دَحضِ الأَقدَامِ.

Dari Saiyidina Ibnu Umar رضي الله عنهما berkata : Sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

"Barang siapa menjadi penghubung saudaranya kepada penguasa dalam perkara manfaat kebaikan atau memudahkan kesulitan nescaya dia akan ditolong Allah untuk melepasi sirat ketika gelincir segala kaki".

Aku berkata : Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Abu Thohir Al-Maqdisi dalam hadis-hadis Imam As-Syihab.

Hadis Ketujuh

عَن سَيِّدِنَا أَنَس بِن مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنهُ قَالَ : قَالَ سَيِّدُنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ :

مَن قَضَى لِأَخِيهِ حَاجَةً كَانَ كَمَن عَبَدَ اللهَ عُمُرَهُ.

Dari Saiydina Anas Bin Malik رضي الله عنه berkata sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

"Barang siapa menunaikan suatu hajat bagi saudaranya seolah-olah dia beribadat kepada Allah sepanjang umurnya".

Aku berkata : Hadis ini dirwayatkan oleh Imam Al-Bukhari dalam kitab At-Tarikh Al-Kabir.

Dekat dengan makna ini hadis yang kami riwayatkan dari beberapa jalan riwayat yang baik dari Saiyidina Ibnu Umar dan Saiyidina Abu Hurairah رضي الله عنهم أجمعين sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

13 – مَن مَشَى فِي حَاجَةِ أَخِيهِ الـمُسلِمِ حَتَّى يُثَـبِّتَـهَا أَظَلَّهُ اللهُ بِخَمسَةٍ وَسَبعِينَ أَلفَ مَلَكٍ يَدعُونَ لَهُ وَيُصَلُّونَ عَلَيهِ إِن كَانَ صَبَاحًا حَتَّى يُمسِيَ وَإِن كَانَ مَسَاءً حَتَّى يُصبِـحَ وَلَا يَرفَعُ قَدَمًا إِلَّا كَتَبَ اللهُ لَهُ حَسَنَةً وَلَا يَضَعُ قَدَمًا إِلَّا مُـحِيَت عَنهُ سَيِّـئَةً.

"Barang siapa berjalan untuk menunaikan hajat saudara Muslimnya hingga dia menetapkan (menjayakan) hajat itu Allah akan memayunginya dengan tujuh puluh lima ribu malaikat yang mendoakannya dan berselawat ke atasnya jika pagi hingga di berpetang-petang dan jika petang hingga dia berpagi-pagi. Tidaklah dia mengangkat sebelah kaki melainkan Allah menulis baginya satu kebajikan dan tidaklah dia meletak sebelah kaki melainkan dihapus darinya satu kesalahan".

Hadis Kelapan

عَن سَيِّدِنَا أَبِي سَعِيدٍ الـخُدرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنهُ قَالَ : قَالَ سَيِّدُنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ :
لَا يَرَى أَحَدٌ مِن أَخِيهِ عَورَةً فَيَستُـرُهَا عَلَيهِ إِلَّا أَدخَلَهُ اللهُ الـجَنَّةَ.

Dari Saiyidina Abi Saeed Al-Khudri رضي الله عنه berkata : Sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

"Tidaklah seseorang melihat pada saudaranya ada aurat yang terbuka lalu dia menutupinya melainkan Allah memasukkannya ke dalam syurga".

Aku berkata : Hadis ini juga diriwayatkan oleh Imam At-Thabrani dari hadis Saiyidina Uqbah Bin `Amir Al-Juhaniy bahawa beliau mendengar Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

15 – مَن رَأَى عَورَةَ أَخِيهِ فَسَتَـرَهَا كَانَ كَمَن أَحيَا مَوؤُودَةً مِن قَبـرِهَا.

"Barang siapa melihat aurat saudaranya lalu dia menutupinya maka sesungguhnya itu seperti menghidupkan anak perempuan yang ditanam hidup-hidup dari kuburnya".

Hadis Kesembilan

عَن سَيِّدِنَا أَبِي هُرَيرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنهُ قَالَ : قَالَ سَيِّدُنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ :

مَن فَرَّجَ عَن مُؤمِنٍ كُربَةً فَرَّجَ اللهُ عَنهُ كُربَةً وَمَن سَتَـرَ عَلَى مُؤمِنٍ سَتَـرَ اللهُ عَورَتَهُ وَلَا يَزَالُ فِي عَونِهِ مَا دَامَ فِي عَونِ أَخِيهِ.

Dari Saiyidina Abu Hurairah رضي الله عنه berkata : Sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

"Barang siapa melepaskan orang mukmin dari kesusahan nescaya Allah akan melepaskan dia dari kesusahan. Barang siapa menutup aurat orang mukmin nescaya Allah akan menutup auratnya, dan tetaplah Allah menolongnya selagi mana dia menolong saudaranya".

Aku berkata : Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Ibnu Abid Dunya dalam kita Isthina' Al-Ma'ruf dan Imam Muslim meriwayatkannya dalam satu hadis panjang yang akan datang. Kami meriwayatkan hadis dalam makna yang sama dari kitab Makarimul Akhlak dari Saiyidina Anas رضي الله عنه bahawa Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

17 – مَن أَعَانَ مُسلِـمًا كَانَ اللهُ فِي ذَلِكَ الـمُعِين.

"Barang siapa menolong orang Islam maka sesungguhnya Allah ada dalam pertolongan itu".

Hadis Kesepuluh

عَن سَيِّدِنَا أَبِي هُرَيرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنهُ قَالَ : قَالَ سَيِّدِنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ :

مَن فَرَّجَ عَن مُؤمِنٍ جَعَلَ اللهُ لَهُ شُعلَتَينِ مِن نُورٍ يَستَضِيُّ بِـهِمَا عَالَـمٌ لَا يُـحصِيهِ إِلَّا رَبُّ العِزَّةِ.

Dari Saiyidina Abu Hurairah رضي الله عنه berkata : Sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

"Barang siapa melepaskan orang mukmin dari kesusahan Allah akan jadikan baginya dua obor dari cahaya lalu beroleh terang darinya satu alam yang bilangan penghuninya hanya Allah yang tahu".

Aku berkata : hadis ini diriwayatkan oleh Imam At-Thabrani dalam kitab Al-Awsath.

Hadis Kesebelas

عَن سَيِّدِنَا اِبنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنهُـمَا قَالَ : قَالَ سَيِّدُنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ :

مَن مَشَى مَعَ أَخِيهِ فِي حَاجَةٍ فَنَاصَحَهُ فِيهَا جَعَلَ اللهُ بَينَهُ وَبَينَ النَّارِ سَبعَةَ خَنَادِقَ وَمَا بَينَ الـخَندَقِ وَالـخَندَقِ مَا بَينَ السَّـمَاءِ وَالأَرضِ.

Dari Saiyidina Ibnu Abbas رضي الله عنهما sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

"Barang siapa berjalan bersama saudaranya kerana suatu hajat saudaranya itu lalu dia menasihati saudaranya mengenai hajat itu, maka Allah akan menjadikan antaranya dengan neraka terhalang oleh tujuh parit, jarak antara satu parit dengan parit yang lain seperti jarak antara langit dengan bumi".

Aku berkata : Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Abu Nu`aim dan Imam Ibnu Abid Dunya.

Kami meriwayat ganjaran yang seumpama ini bagi siapa yang memberi jamuan makan kepada orang Muslim sehingga kenyang, atau memberinya minum sehingga lega dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam At-Thabrani dari Saiyidina Abdullah Bin Umar رضي الله عنهما bahawa Saiyidina Rasulullah صلى الله علسه وسلم bersabda:

20- مَن أَطعَمَ أَخَاهُ حَتَّى يُشبِعَهُ وَسَقَاهُ حَتَّى يَروِيهِ بَعَّدَهُ اللهُ مِنَ النَّارِ سَبعَ خَنَادِقَ مَا بَينَ كُلِّ خَندَقَينِ مَسِيرَةُ خَمسِمِائَةِ عَامٍ.

"Barang siapa menjamu makan kepada saudaranya sehingga dia kenyang, atau menjamunya minum sehingga dia lega, Allah akan menjauhkan antaranya dengan neraka sebanyak tujuh parit, jarak tiap dua parit sejauh perjalanan lima ratus tahun.

Hadis Kedua Belas

عَن سَيِّدِنَا مَسلَمَة بْنِ مُـخَلَّدٍ رَضِيَ اللهُ عَنهُ قَالَ : قَالَ سَيِّدُنَا رَسُولُ الله صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ :
مَن سَتَـرَ مُسلِـمًا سَتَـرَهُ اللهُ عَزَّ وَجَلَّ فِي الدُّنيَا وَالآخِرَةِ وَمَن فَكَّ عَن مَكرُوبٍ كُربَةً فَكَّ اللهُ عَزَّ وَجَلَّ عَنهُ كُربَةً مِن كُرَبِ يَومِ القِيَامَةِ وَمَن كَانَ فِي حَاجَةِ أَخِيهِ كَانَ اللهُ فِي حَاجَتِهِ.

Dari Saiyidina Maslamah Bin Mukhallad رضي الله عنه sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

"Barang siapa menutup seorang Muslim nescaya Allah akan menutup dia dunia dan Akhirat. Barang siapa melepaskan kesusahan dari orang susah nescaya Allah akan melepaskannya dari kesusahan hari Kiamat. Barang siapa yang menolong hajat saudaranya nescaya Allah menolong hajatnya".

Aku berkata : Hadis ini diriwayatkan oleh Imam At-Thabrani dan Imam Muslim turut meriwayatkan yang sama makna dengannya dengan sanad-sanad yang diterima dari Saiyidina Ubay Bin Ka'ab رضي الله عنه kata beliau:

22– مَـرَّ بِي سَيِّدُنَا رَسُولُ الله صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ وَمَعِي رَجُلٌ فَقَالَ : يَا أُبَيّ مَن هَذَا الرَّجُلُ؟ قُلتُ : غَرِيمٌ لِي فَأَنَا أُلَازِمُهُ. قَالَ : فَأَحسِن إِلَيهِ يَا أُبَيّ. ثُمَّ مَضَى سَيِّدُنَا رَسُولُ الله صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم لِـحَاجَتِهِ ثُمَّ انْصَرَفَ إِلَيَّ وَلَيسَ مَعِي الرَّجُلُ فَقَالَ : يَا أُبَيّ مَا فَعَلَ غَرِيمُكَ وَأَخُوكَ ؟ قُلتُ : وَمَا عَسَى أَن يَفعَلَ يَا رَسُولَ الله. تَرَكتُ ثُلُثَ مَالِي عَلَيهِ وَتَرَكتُ الثُّلُثَ الثَّانِي لِرَسُولِ الله صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ وَتَرَكتُ البَّاقِي لِـمُعَاوَنَتِهِ إِيَّايَ.

"Pernah Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم melewatiku sedang saat itu ada seorang lelaki bersamaku, maka Baginda pun bersabda : "Wahai Ubay, siapakah lelaki ini?", maka jawabku : "Dia berhutang kepada hamba maka inilah hamba mengapitnya", lalu sabda Baginda kepadaku : "Engkau berbuat baiklah kepadanya wahai Ubay". Kemudian Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم berlalu untuk mengerjakan urusan Baginda dan sesudah itu kembali kepadaku sedang lelaki tadi sudah tidak bersamaku. Baginda pun bersabda : "Wahai Ubay, apakah yang dilakukan oleh penghutang dan saudaramu itu?", maka jawabku : "Apa sajalah yang dapat dilakukan olehnya ya Rasulallah; hamba telah memberi satu pertiga dari harta hamba kepadanya, satu pertiga lagi kepada Rasulullah صلى الله عليه وسلم dan satu pertiga lagi untuk hamba menolongnya"

ثُمَّ قَالَ : رَحِمَكَ اللهُ يَا أُبَيّ –ثَلَاثَ مَرَّاتٍ – بِهَذَا أُمِرنَا. قَالَ : يَا أُبَيّ! إِنَّ اللهَ جَعَلَ لِلمَعرُوفِ وُجُوهًا مِن خَلقِهِ حَبَّبَ إِلَيهِمُ الـمَعرُوفَ وَحَبَّبَ إِلَيهِم فِعَالَهُ وَيَسَّرَ عَلَى طُلَّابِ الـمَعرُوفِ طَلَبَهُ إِلَيهِم وَيَسَّرَ عَلَيهِم إِعطَاءَهُ. فَهُم كَالغَيثِ يُرسِلُهُ اللهُ عَزَّ وَجَلَّ إِلَى الأَرضِ الـجَـدبَةِ فَيُحيِيهَا وَيُـحيِي بِهَا أَهلَهَا. وَإِنَّ اللهَ جَعَلَ لِلمَعرُوفِ أَعدَاءً مِن خَلقِهِ بَغَّضَ إِلَيهِمُ المَعرُوفَ وَبَغَّضَ إِلَيهِم فِعَالَهُ وَحَظَرَ عَلَى طُلَّابِ المَعرُوفِ طَلَبَهُ إِلَيهِم وَحَظَرَ عَلَيهِم إِعطَاءَهُ إِيَّاهُم. فَهُم كَالغَيثِ يَـحبِسُهُ اللهُ عَزَّ وَجَلَّ عَنِ الأَرضِ الـجَدبَةِ فَيُهلِكُ بِحَبسِهِ الأَرضَ وَأَهلَهَا.

Baginda pun bersabda : "Moga Allah merahmatimu wahai Ubay - tiga kali- beginilah kita diperintahkan. Wahai Ubay! Sesungguhnya Allah telah menjadikan bagi kebajikan itu ada wajah-wajah kalangan makhluknya, Allah menjadikan mereka cinta kepada kebajikan dan cinta untuk melakukannya, Allah memudahkan para penuntut kebajikan untuk menuntutnya kepada mereka dan Allah memudahkan mereka untuk memberikannya. Mereka ibarat hujan yang dihantar Allah Azza wa Jalla ke bumi yang kontang lalu Allah menghidupkan bumi itu dengannya dan Allah memberi kehidupan kepada penduduk bumi itu dengannya. Dan sesungguhnya Allah menjadikan bagi kebajikan itu ada musuh-musuh kalangan makhluknya, Allah jadikan mereka benci kepada kebajikan dan benci untuk melakukannya, Allah menegah para penuntut kebajikan memintanya dari mereka dan Allah menegah mereka dari memberi kebajikan. Mereka ibarat hujan yang ditahan oleh Allah Azza wa jalla dari turun ke tanah bumi yang kontang, lalu dengannya Allah membinasakan tanah bumi itu dan penduduknya".

Hadis ini diriwayatkan oleh At-Thabrani.

Hadis Ketiga Belas

عَن سَيِّدِنَا ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنهُمَا قَالَ : قَالَ سَيِّدُنَا رَسُولُ الله صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ :

إِنَّ للهِ عِبَادًا اخْتَصَّهُم بِالنِّعَمِ لِـمَنَافِعِ العِبَادِ يُقِرُّهَا فِيهِم مَا بَذَلُوا فَإِذَا مَنَعُوهَا حَوَّلَـهَا عَنهُم وَجَعَلَهَا فِي غَيرِهِم.

Dari Saiyidina Ibnu Umar رضي الله عنه sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

"Sesungguhnya Allah memiliki golongan hambaNya yang dikhususkan dengan berbagai nikmat untuk kemanfaatan hamba-hambaNya yang lain. Allah menetapkan segala nikmat itu kepada mereka selagi mereka menyalurkannya, apabila mereka menahannya Allah akan memindahkan nikmat-nikmat itu dari mereka dan memberinya kepada orang lain".

Aku berkata : Hadis ini diriwayatkan oleh Imam At-Thabrani. Kami juga meriwayatkan dari beliau satu hadis dengan sanad yang baik dari Saiyidina Ibnu Abbas رضي الله عنهما bahawa Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

24- مَا مِن عَبدٍ أَنعَمَ اللهُ عَلَيهِ نِعمَةً فَأَسبَغَهَا عَلَيهِ ثُمَّ جَعَلَ حَوَائِجَ النَّاسِ إِلَيهِ فَتَبَـرَّمَ فَقَد عَرَّضَ تِلكَ النِّعمَةَ لِلزَّوَالِ.

"Tidaklah seorang hamba yang Allah berinya nikmat lalu disempurnakan nikmat itu ke atasnya dan Allah menjadikan hajat (keperluan) manusia kepadanya lalu dia bosan, maka sesungguhnya dengan itu dia mendedahkan nikmat-nikmatnya kepada hilang".

Hadis Keempat Belas

عَن سَيِّدِنَا أَنَسِ بنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنهُ قَالَ : قَالَ سَيِّدُنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ :

مَن أَضَافَ مُؤمِنًا أَو خَفَّ لَهُ فِي شَيءٍ مِن حَوَائِجِهِ إِلَّا كَانَ حَقًّا عَلَى اللهِ أَن يُـخدِمَهُ وَصِيفًا فِي الـجَنَّةِ.

Dari Saiyidina Anas Bin Malik رضي الله عنه sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:
"Barang siapa melayan tamu yang Mukmin atau meringankan sesuatu dari hajatnya nescaya berhaklah bagi Allah untuk memberinya pelayan yang mengkhidmatinya di syurga".

Aku berkata : hadis ini diriwayatkan oleh Imam Abu Ya'la Al-Maushili.

Kami meriwayatkan dari Soheh Muslim dari hadis Saiyidina Abu Hurairah رضي الله عنه bahawa Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

26- إِنَّ اللهَ عَزَّ وَجَلَّ يَقُولُ يَومَ القِيَامَةِ : يَا ابْنَ آدَمَ مَرِضتُ فَلَـم تَعُدنِي. قَالَ يَا رَبِّ كَيفَ أَعُودُكَ وَأَنتَ رَبُّ العَالَـمِينَ؟ قَالَ أَمَا عَلِمتَ أَنَّ عَبدِي فُلَانًا مَرِضَ فَلَم تَعُدهُ؟ أَمَا عَلِمتَ أَنَّكَ لَو عُدتَهُ لَوَجَدتَنِي عِندَهُ. اِبنَ آدَمَ اسْتَطعَمتُكَ فَلَم تُطعِمنِي. قَالَ يَا رَبِّ كَيفَ أُطعِمُكَ وَأَنتَ رَبُّ العَالَـمِينَ؟ قَالَ أَمَا عَلِمتَ أَنَّـهُ اسْتَطعَمَكَ عَبدِي فُلَانٌ فَلَم تُطعِمهُ ؟ أَمَا عَلِمتَ أَنَّكَ لَو أَطعَمتَهُ لَوَجَدتَ ذَلِكَ عِندِي؟ ابْنَ آدَمَ اسْتَسقَيتُكَ فَلَم تُسقِنِي. قَالَ يَا رَبِّ كَيفَ أَسقِيكَ وَأَنتَ رَبُّ العَالَـمِينَ؟ قَالَ اسْتَسقَاكَ عَبدِي فُلَانٌ فَلَم تُسقِهِ أَمَا عَلِمتَ أَنَّكَ لَو أَسقَيتَهُ لَوَجَدتَ ذَلِكَ عِندِي.

"Sesungguhnya Allah Azza wa Jalla akan berfirman di hari Kiamat: "Wahai anak Adam! Aku telah jatuh sakit lalu mengapa engkau tidak menjengukku?", kata anak Adam: "Ya Robbi, bagaimana hamba mahu menjengukMu sedangkan Engkau Tuhan semesta alam?!", Allah menjawab: "Tidakkah kau tahu bahawa hambaku si polan telah jatuh sakit lalu engkau tidak

pergi menjenguknya? Tidakkah kau tahu jika engkau menjenguknya pasti engkau mendapatiKu di sisinya.

"Wahai anak Adam! Aku telah minta makan padamu lalu engkau tidak beri makan padaKu", kata anak Adam : "Ya Robbi, bagaimana hamba mahu memberiMu makan sedangkan Engkau Tuhan semesta alam?!", Allah menjawab : "Tidakkah kau tahu bahawa hambaku si polan telah minta makan padamu lalu engkau tidak memberinya makan? Tidakkah kau tahu bahawa jika engkau memberinya makan nescaya engkau akan mendapati yang demikian itu di sisiKu?

"Wahai anak Adam! Aku telah minta minum padamu lalu engkau tidak beri minum padaku", kata anak Adam : "Ya Robbi, bagaimana hamba mahu memberi minum padaMu sedangkan Engkau Tuhan sekelian alam?", Allah menjawab : "HambaKu si polan telah minta minum padamu lalu engkau tidak berinya minum, tidakkah kau tahu bahawa jika engkau berinya minum nescaya engkau akan mendapati yang demikian itu di sisiKu".

Hadis Kelima Belas

عَن سَيِّدِنَا أَبِي هُرَيرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنهُ قَالَ : قَالَ سَيِّدُنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ :

مَن نَفَّسَ عَن أَخِيهِ كُربَةً مِن كُرَبِ الدُّنيَا نَفَّسَ اللهُ عَنهُ كُربَةً مِن كُرَبِ يَومِ القِيَامَةِ وَمَن يَسَّرَ عَلَى مُعسِرٍ يَسَّرَ اللهُ عَلَيهِ فِي الدُّنيَا وَالآخِرَةِ. وَمَن سَتَـرَ مُسلِـمًا سَتَـرَ اللهُ عَلَيهِ فِي الدُّنيَا وَالآخِرَةِ وَاللهُ فِي عَونِ العَبدِ مَا كَانَ العَبدُ فِي عَونِ أَخِيهِ. وَمَن سَلَكَ طَرِيقًا يَلتَمِسُ فِيهِ عِلمًا يَسَّرَ اللهُ لَهُ طَرِيقًا إِلَى الـجَنَّةِ وَمَا جَلَسَ قَومٌ فِي مَسجِدٍ يَتلُونَ كِتَابَ اللهِ يَتَدَارَسُونَهُ بَينَهُم إِلَّا نَزَلَت عَلَيهِمُ السَّكِينَةُ وَغَشِيَتهُمُ الرَّحـمَةُ وَحَفَّتهُمُ المَلَائِكَةُ وَذَكَرَهُمُ اللهُ فِيمَن عِندَهُ وَمَن أَبطَأَ بِهِ عَمَلُهُ لَـم يُسرِعْ بِهِ نَسَبُهُ.

Dari Saiyidina Abu Hurairah رضي الله عنه sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

"Barang siapa melepaskan dari saudaranya satu kesusahan di dunia Allah akan melepaskan darinya satu kesusahan hari Kiamat. Barang siapa memudahkan bagi orang yang yang kesulitan Allah akan memudahkan baginya di dunia dan Akhirat. Barang siapa menutup (kelemahan) seorang Muslim nescaya Allah akan menutup kelamahannya di dunia dan Akhirat. Allah tetap menolong seorang hamba selagi dia menolong saudaranya.

"Barang siapa menempuh jalan untuk menuntut ilmu nescaya Allah akan mempermudah baginya jalan ke syurga. Dan tidaklah satu kaum duduk di masjid, membaca kitab Allah dan mengajikan ia sesama mereka melainkan turun ke atas mereka ketenangan, rahmat meliputi mereka, malaikat memayungi mereka dan Allah menyebut mereka sebagai golongan yang berada di sisiNya. Barang siapa yang lambat amalannya tidaklah nasabnya dapat mempercepatkan dia".

Aku berkata : Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam Sohehnya.

Kami riwayatkan dari kedua-dua Soheh Bukhari dan Muslim dari hadis Saiyidina Abi Musa Al-Asyari رضي الله عنه bertaraf *marfu'*[1] sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

28 – عَلَى كُلِّ مُسلِمٍ صَدَقَةٌ. قَالُوا يَا رَسُولَ اللهِ أَرَأَيتَ إِن لَـم يَـجِدْ؟ قَالَ : يَعمَلُ بِيَدِهِ فَيَنفَعُ نَفسَهُ وَيَتَصَدَّقُ. قَالُوا : أَرَأَيتَ إِن لَـم يَستَطِع؟ قَالَ : يَعِينُ ذَا الـحَاجَةِ الـمَلهُوفَ. قَالُوا : أَرَأَيتَ إِن لَـم يَفعَل؟ قَالَ : يَأمُرُ بِالـمَعرُوفِ. قَالُوا : أَرَأَيتَ إِن لَـم يَفعَل ؟ قَالَ : يَـمسِكُ عَنِ الشَّرِّ فَإِنَّـهَا لَهُ صَدَقَةٌ.

"Hendaklah setiap orang Muslim bersedekah", para sahabat bertanya: "Ya Rasulallah, bagaimana jika dia tiada apa yang nak diberi?", jawab Baginda: "Dia bekerja dengan tangannya sendiri lalu dengan itu dia memberi manfaat kepada dirinya dan dapat bersedekah", mereka bertanya : "Bagaimana kalau dia tidak mampu melakukan itu?", jawab Bagainda : "Dia menolong orang berhajat yang malang", mereka bertanya : "bagaimana kalau dia tidak dapat melakukan itu?", jawab Baginda : "Dia menyuruh kepada yang baik", mereka bertanya : "Bagaimana kalau dia dia tidak dapat melakukan itu", jawab Baginda : "Dia mencegah dirinya dari melakukan kejahatan, sesungguhnya itu merupakan sedekah untuk dirinya sendiri".

Hadis Keenam Belas

عَن سَيِّدِنَا عَمرُو بِن مُرَّةَ رَضِيَ اللهُ عَنهُ (وَكَانَ لَهُ صُحبَةٌ) أَنَّهُ قَالَ لِسَيِّدِنَا مُعَاوِيَةَ رَضِيَ اللهُ عَنهُ : إِنِّي سَمِعتُ سَيِّدَنَا رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ :

أَيُّـمَا وَالٍ أَو قَاضٍ أَغلَقَ بَابَهُ دُونَ ذَوِي الـحَاجَاتِ وَالـخُلَّةِ وَالـمَسكَنَةِ أَغلَقَ اللهُ بَابَهُ دُونَ حَاجَتِهِ وَخُلَّتِهِ وَمَسكَنَتِهِ.

Dari Saiyidina `Amru Bin Murroh رضي الله عنه (beliau adalah seorang sahabat) diriwayatkan bahawa beliau telah berkata kepada Saiyidina Muawiyah رضي الله عنه:

"Sesungguhnya aku telah mendengar Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda : "Siapa saja pemimpin atau hakim yang menutup pintunya dari mereka yang berhajat, orang yang perlu dan orang hina papa nescaya Allah akan menutup pintu darinya tika dia berhajat, perlu dan hina papa".

Aku berkata : hadis ini diriwayatkan oleh Imam At-Tirmizi dan Imam Ahmad.

Imam Abu Daud meriwayatkannya dari Saiyidina `Amru Bin Murroh رضي الله عنه kata beliau:

30 – دَخَلتُ عَلَى مُعَاوِيَةَ فَقَالَ : مَا أَنعَمَنَا بِكَ يَا أَبَا فُلَانٍ –وَهِيَ كَلِمَةٌ تَقُولُـهَا العَرَبُ– فَقُلتُ حَدِيثٌ أُخبِرُكَ بِهِ : سَمِعتُ سَيِّدَنَا رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: مَن وَلَّاهُ اللهُ شَيئًا مِن أُمُورِ الـمُسلِمِينَ فَاحتَجَبَ دُونَ

[1] - Hadis marfu' ertinya teks yang disandarkan oleh sahabat atau tabi'in atau generasi selepas mereka kepada Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم baik dalam bentuk perkataan, perbuatan atau *taqrir*.

حَاجَتِـهِم وَخُلَّتِهِم وَفَقرِهِم اِحتَجَبَ اللهُ دُونَ حَاجَتِهِ وَخُلَّتِهِ وَفَقرِهِ يَومَ القِيَامَةِ. قَالَ : فَجَعَلَ مُعَاوِيَةَ رَجُلًا عَلَى حَوَائِجِ النَّاسِ.

"Aku pernah masuk mengadap Khalifah Saiyidina Muawiyah lalu beliau berkata kepadaku : "Apatah gembiranya kami denganmu hai bapak si polan!", -ini adalah bahasa sopan santun orang Arab dahulu kala- maka aku pun berkata : "Ada sebuah hadis yang mahu aku khabarkan kepadamu; aku telah mendengar Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

"Barang siapa yang dijadikan Allah sebagai pemimpin atas urusan kaum Muslimin lalu dia menghalangi dirinya dari melayani hajat, keperluan dan kefakiran mereka nescaya Allah akam menghalangi diriNya dari dari hajat, keperluan dan kefakiran si pemimpin di hari Kiamat". Kata perawi : "Maka Saiyidina Muawiyah pun menugaskan seorang lelaki untuk melayani keperluan rakyat".

Adapun kalimat الـخُلَّة dibariskan *fathah* pada huruf خnya dan ertinya keperluan.

Frasa مَا أَنعَمَنَا بِكَ dibaris fathah pada huruf hamzahnya dan ertinya apatah gembiranya maka datang engkau kepada kami. Pepatah ini diungkapkan kepada orang yang disukai kedatangannya seolah-olah orang yang mengujarnya berkata alangkah gembira kami denganmu dan dengan pertemuan bersamamu ini. Samalah dengan satu ucap selamat orang Arab zaman dahulu kala أَنعِم صَبَاحًا.

Hadis Ketujuh Belas

عَن سَيِّدِنَا أَبِي بُردَةَ عَن سَيِّدِنَا أَبِي مُوسَى الأَشعَرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنهُـمَا قَالَ : قَالَ سَيِّدُنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ: إِذَا جَاءَنِي طَالِبُ حَاجَةٍ فَاشفَعُوا لَهُ لِكَي تُؤجَرُوا وَيَقضِي اللهُ عَلَى لِسَانِ نَبِيِّهِ مَا يَشَاءُ.

Dari Saiyidina Abu Burdah, dari Saiyidina Abu Musa Al-Asyaari رضي الله عنهما sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

"Jika datang kepadaku orang meminta suatu hajat maka hendaklah kamu memberi syafaat (rekomendasi) baginya supaya kamu dapat pahala dan terserah kepada Allah untuk memutuskan melalui lidah NabiNya apa-apa yang dikehendakiNya".

Aku berkata : Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari dan Imam Muslim dengan lafaz اشْفَعُوا dan lagi telah berfirman Allah tabaroka wa Taala dalam kitabNya yang mulia:

مَن يَشفَع شَفَاعَةً حَسَنَةً يَكُن لَهُ نَصِيبٌ مِنهَا.

"Sesiapa yang memberikan syafaat yang baik nescaya dia akan memperoleh bahagian (pahala) daripadanya…" An-Nisaa' : 85

Dalam makna tata bahasa Arab kalimat *nakirah* yang di*nasab*kan (شَفَاعَةً) bererti takzim, maknanya dia akan mendapat bahagian (balasan) yang agung.

Kami riwayatkan dari kitab Makarimul Akhlak karya Imam Al-Kharaithi dari Saiyidina Muawiyah Bin Abi Sufyan رضي الله عنه bahawa Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

32 – اِشفَعُوا تُؤجَرُوا. إِنِّي أُرِيدُ الأَمرَ فَأُؤَخِّرُهُ حَتَّى تَشفَعُوا إِلَيَّ فَتُؤجَرُوا.

"Hendaklah kamu sekalian memberi syafaat nescaya kamu akan mendapat ganjaran pahala. Sesungguhnya aku memang mahu memutuskan suatu perkara namun aku melambatkannya sehingga kamu memberi syafaat (rekomendasi)mu kepadaku dan dengan itu kamu beroleh pahala".

Aku berkata : Bahawa sayogialah bagi orang yang memberi syafaat mengelak dari mengambil apa-apa bayaran dari rekomendasinya itu baik dalam bentuk hadiah dari orang yang direkomendasikan atau suatu manfaat yang didapatkan kepada dirinya. Sesungguhnya hadiah bagi orang yang merekomendasi termasuk dalam harta jahat yang dicela Allah Taala dalam kitabNya yang mulia, demikianlah seperti yang dinukil dari Saiyidina Umar, Saiyidina Ali, Saiyidina Ibnu Abbas dan Saiyidina Masruq رضي الله عنهما tentang firman Allah Taala:

سَمَّاعُونَ لِلكَذِبِ أَكَّالُونَ لِلسُّحتِ.

"Mereka sangat suka mendengar berita-berita dusta, sangat suka makan segala yang jahat (rasuah dan sebagainya)..." Al-Maidah : 42

Adalah turunnya ayat ini tentang kaum Yahudi yang mendengar omongan dusta dari pendusta disisi mereka lagi mereka mengambil rasuah dari pihak yang meminta pengadilan dari mereka dan lagi mereka mengambil hadiah dari orang yang mereka beri rekomendasi maka turunlah ayat Al-Quran ini tentangnya.

Para ahli tafsir berkata bahawa harta *suht* (jahat busuk) itu lima belas macam:

1- Rasuah
2- Wang zina
3- Upah tukang tenung
4- Harga anjing
5- Judi *nard*
6- Arak
7- Babi
8- Bangkai
9- Darah
10- Upah bapak unta
11- Upah perempuan meratap
12- Penyanyi wanita
13- Ahli Sihir
14- Upah tukang patung
15- Hadiah kepada pensyafaat

Harta dari sumber-sumber ini dinamakan jahat dan busuk kerana ia membusukkan ketaatan, atau merosak berkat harta, atau agama, atau maruah dengan ertikata ia membinasakannya. Firman Allah Taala:

لَا تفتَرُوا عَلَى اللهِ كَذِبًا فَيُسحِتكُم بِعَذَابٍ.

"…janganlah kamu mereka-reka cerita dusta ke atas Allah, lalu dengan sebab itu Dia akan membinasakan mu dengan azab …" Thaha : 61

Ertinya Allah akan membelasah kamu sekalian dengan azab seksa secukupnya.

Maka engkau lihatlah duhai saudaraku bahawa para ahli tafsir menetapkan hadiah yang diberi kepada pensyafaat termasuk harta jahat yang dengannya Allah mencela kaum Yahudi. Semoga Allah mengafiatkan kita darinya dan memelihara kita dari segala kebinasaan.

Kami meriwayatkan dari Sunan Abi Daud dari Saiyidina Umamah رضي الله عنه bahawa junjungan Baginda Nabi صلى الله عليه وسلم bersabda:

33 – مَن شَفَعَ لِأَخِيهِ شَفَاعَةً فَأَهدَى لَهُ هَدِيَّةً عَلَيهَا فَقَبِلَهَا فَقَد أَتَى بَابًا عَظِيمًا مِن أَبوَابِ الرِّبَا.

"Barang siapa memberi syafaat kepada saudaranya dengan satu rekomendasi lalu si saudara menghadiahinya atas syafaat itu dan dia menerimanya maka sesungguhnya dia telah mendatangi satu pintu yang besar dari segala pintu riba".

Ini adalah ancaman yang keras, Allah Taala berfirman mengenai hak orang yang makan riba:

الَّذِينَ يَأكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيطَانُ مِنَ الـمَسِّ.

"Mereka yang makan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdiri terhoyong hayangnya orang yang dirasuk Syaitan kerana sentuhan (Syaitan) itu…" Al-Baqarah : 275

Kita berlindung kepada Allah dari yang demikian.

Dan sayogialah bagi pihak pemerintah -moga Allah menolongnya dan menolong dengannya akan agama dan membantu dia menjalankan apa yang menjadi maslahat kepada kaum Muslimin- menyuruh para budiman dan orang-orang baik untuk memberi syafaat, dan hendaklah pemerintah menzahirkan kegembiraan kepada mereka yang memberi syafaat sebagai meneladani Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم; sesungguhnya Baginda menyuruh para sahabatnya melakukan yang demikian itu dengan sabdanya: "Sampaikanlah syafaat (rekomendasi)mu kepadaku…" seperti yang telah kami jelaskan dalam riwayat hadis. Demikianlah Baginda telah mensyariatkannya kepada kita agar diteladani pekerjaan itu oleh para pemerintah dan supaya mereka menjalankannya.

Hadis Kelapan Belas

عَن سَيِّدِنَا أَنَسِ بنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنهُ قَالَ : قَالَ سَيِّدُنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ :

مَن أَغَاثَ مَلهُوفًا كَتَبَ اللهُ لَهُ ثَلَاثًا وَسَبعِينَ حَسَنَةً وَاحِدَةٌ مِنهَا يُصلِحُ اللهُ بِهَا دُنيَاهُ وَآخِرَتَهُ وَالبَاقِي بَعدَ ذَلِكَ فِي الدَّرَجَاتِ.

Dari Saiyidina Anas Bin Malik رضي الله عنه sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

"Barang siapa menolong orang berhajat yang malang Allah akan menulis baginya tujuh puluh tiga kebajikan; satu darinya Allah membaikkan hal Akhiratnya dan yang bakinya pada peningkatan darjat".

Aku berkata : Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Abu Ya'la dan Imam Al-Bazzar.

Kami riwayatkan dari Saiyidina Abu Dzar رضي الله عنه kata beliau :

35 – قَالَ سَيِّدُنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ :

لَيسَ مِن نَفسِ ابْنِ آدَمَ إِلَّا وَعَلَيهِ صَدَقَةٌ فِي كُلِّ يَومٍ تَطلُعُ فِيهِ الشَّمسُ. قِيلَ يَا رَسُولَ اللهِ لَيسَ لَـنَا صَدَقَة نَتَصَدَّقُ بِهَا. قَالَ : إِنَّ أَبوَابَ الـخَيرِ لَكَثِيرَةٌ فَالتَّسبِيحُ وَالتَّحمِيدُ وَالتَّهلِيلُ وَالأَمرُ بِالعَمرُوفِ وَالنَّهيُ عَنِ الـمُنكَرِ وَتُـمِيطُ الأَذَى عَنِ الطَّرِيقِ وَتُسمِـعُ الأَصَمَّ وَتُـهدِي الأَعمَى وَتَدُلُّ الـمُستَدِلَّ عَلَى حَاجَتِهِ وَتَسعَى شَدَّ سَاقَيكَ مَعَ اللَّهفَانِ الـمُستَغِيثِ وَتَـحمِلُ شَدَّ ذِرَاعَيكَ مَعَ الضَّعِيفِ فَهَذَا كُلُّهُ صَدَقَةٌ مِنكَ عَلَى نَفسِكَ.

"Sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم : "Tidaklah bagi diri anak Adam melainkan perlu memberi sedekah setiap hari yang terbit kepadanya mentari", lalu dikatakan kepada Baginda : "Ya Rasulallah, kami tak punya apa yang dapat nak disedekahkan", maka sabda Baginda : "Sesungguhnya pintu-pintu kebaikan itu amatlah banyak; tasbih, tahmid, tahlil, amar makruf, nahi munkar, membuang benda yang memerbahayakan dari jalanan, memdengarkan orang tuli, memimpin jalan kepada orang buta, memberi petunjuk kepada yang minta petunjuk buat menunaikan hajatnya, menolong sepenuh tenagamu kepada orang susah yang malang lagi minta tolong, menanggung beban dengan dua tanganmu membantu orang dhaif…maka ini semuanya sedekah dari dirimu".

Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Abu Hatim dan Imam At-Tirmizi turut meriwayatkan sebuah hadis dengan makna yang sama.

Hadis Kesembilan Belas

عَن سَيِّدِنَا أَنَس بِن مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنهُ قَالَ : قَالَ سَيِّدنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ :

إِنَّ اللهَ يُحِبُّ إِغَاثَةَ اللَّهفَانِ.

Dari Saiyidina Anas Bin Malik رضي الله عنه sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

"Sesungguhnya Allah mencintai perbuatan membantu orang susah yang kemalangan".

Aku berkata : hadis ini diriwayatkan oleh Imam Al-Bazzar, Imam Abu Ya'la dan Imam At-Thabrani.

Hadis Kedua Puluh

عَن سَيِّدِنَا ابنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنهُمَا قَالَ : قَالَ سَيِّدُنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ :

كُلُّ مَعرُوفٍ صَدَقَةٌ وَالدَّالُّ عَلَى الخَيرِ كَفَاعِلِهِ وَاللهُ يُحِبُّ إِغَاثَةَ اللَّهفَانِ.

Dari Saiyidina Ibnu Abbas رضي الله عنهما sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

"Setiap kebajikan adalah sedekah dan orang yang memberi petunjuk kepada kebaikan sama seperti yang membuatnya. Allah mencintai perbuatan membantu orang susah yang kemalangan".

Aku berkata : Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Ad-Daarquthni dalam kitab Al-Mustajad, juga diriwayatkan oleh Imam Ibnu Abid Dunya. Kami meriwayatkan dari kitab Makarimul Akhlak dari Saiyidina Jabir Al-Ansari رضي الله عنه bahawa Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

38 – لَو جَرَتِ الصَّدَقَةُ عَلَى يَدِ سَبعِينَ أَلفَ رَجُلٍ لَكَانَ أَجرُ آخِرِهِم مَثلَ أَجرِ أَوَّلِـهِم.

"Kalau pun suatu sedekah itu mengalir berpindah-pindah kepada tujuh puluh ribu orang nescaya pahala orang orang terakhirnya tetap sama dengan pahala orang pertamanya".

Hadis Kedua Puluh Satu

عَن سَيِّدِنَا جَابِرِ بنِ عَبدِ اللهِ رَضِيَ اللهُ عَنهُ قَالَ : قَالَ سَيِّدُنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ :

إِنَّ مِن مُوجِبَاتِ الـمَغفِرَةِ إِدخَالُكَ السُّرُورِ عَلَى أَخِيكَ الـمُسلِمِ إِشبَاعُ جَوعَتِهِ وَتَنفِيسُ كُربَتِهِ.

Dari Saiyidina Jabir Bin Abdullah رضي الله عنه sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

"Sesungguhnya antara perkara yang mewajibkan engkau beroleh ampunan ialah engkau memasukkan kegembiraan ke dalam diri saudara Muslimmu; engkau mengenyangkan laparnya dan melepaskan dia dari kesulitannya".

Aku berkata : Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Al-Harits Bin Abi Usamah dalam Musnad beliau.

Hadis Kedua Puluh Dua

عَن سَيِّدِنَا أَبِي هُرَيرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنهُ قَالَ : قَالَ سَيِّدُنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ :

مَن فَرَّجَ عَن أَخِيهِ المُؤمِنِ كُربَةً مِن كُرَبِ الدُّنيَا فَرَّجَ اللهُ عَنهُ كُربَةً مِن كُرَبِ يَومِ القِيَامَةِ وَمَن سَتَـرَ عَلَى مُسلِمٍ سَتَـرَ اللهُ عَلَيهِ فِي الدُّنيَا وَالآخِرَةِ وَاللهُ تَعَالَى فِي عَونِ العَبدِ مَا دَامَ العَبدُ فِي عَونِ أَخِيهِ.

Dari Saiyidina Abu Hurairah رضي الله عنه sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

"Barang siapa melepaskan saudara Mukminnya satu kesusahan dari kesusahan dunia nescaya Allah akan melepaskannya satu kesusahan dari kesusahan Akhirat. Barang siapa menutup kelemahan seorang Muslim nescaya Allah menutup kelemahannya dunia dan Akhirat. Allah Taala akan tetap menolong hambaNya selagi si hambaNya itu menolong saudaranya".

Aku berkata : Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Muslim.

Hadis Kedua Puluh Tiga

عَن سَيِّدِنَا أَبِي هُرَيرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنهُ قَالَ : قَالَ سَيِّدُنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ :
الـمُسلِمُ أَخُو الـمُسلِمِ لَا يَظلِمُهُ وَلَا يُسلِمُهُ وَمَن كَانَ فِي حَاجَةِ أَخِيهِ كَانَ اللهُ فِي حَاجَتِهِ وَمَن فَرَّجَ عَن مُسلِمٍ كُربَةً مِن كُرَبِ الدُّنيَا فَرَّجَ اللهُ عَنهُ كُربَةً مِن كُرَبِ يَومِ القِيَامَةِ وَمَن سَتَـرَ عَلَى مُسلِمٍ سَتَـرَهُ اللهُ فِي الدُّنيَا وَالآخِرَةِ.

Dari Saiyidina Abu Hurairah رضي الله عنه sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

"Seorang Muslim adalah saudara bagi orang Muslim yang lain; dia tidak menzaliminya dan tidak menyerahkannya kepada musuh. Barang siapa yang menolong hajat saudaranya nescaya Allah akan menolongnya pada hajatnya. Barang siapa melepaskan satu kesulitan dunia dari seorang Muslim nescaya Allah akan melepaskan dia satu kesulitan dari kesulitan Akhirat. Barang siapa menutup kelemahan seorang Muslim nescaya Allah akan menutup kelemahannya di dunia dan Akhirat".

Aku berkata : Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim.

Hadis Kedua Puluh Empat

عَن سَيِّدِنَا أَنَسِ بنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنهُ قَالَ : قَالَ سَيِّدُنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ :
مَن أَغَاثَ مَلهُوفًا كَتَبَ اللهُ لَهُ ثَلَاثًا وَسَبعِينَ مَغفِرَةً وَاحِدَةٌ مِنهَا صَلَاحُ أَمرِهِ كُلِّهِ وَاثْنَتَانِ وَسَبعُونَ لَهُ دَرَجَاتٌ يَومَ القِيَامَةِ.

Dari Saiyidina Anas Bin Malik رضي الله عنه sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

"Barang siapa menolong orang susah yang malang Allah akan menulis baginya tujuh puluh tiga kebajikan, satu darinya adalah kebaikan dalam seluruh urusannya, baki tujuh puluh duanya lagi berbagai tingkatan darjat di hari Kiamat".

Aku berkata : Ini sama dengan hadis yang kelapan belas, hanya bertukar kalimat kebaikan dengan pengampunan dan telah muafakat makna pada kedua-dua hadis ini.

Telah disebut dahulu bahawa hadis ini diriwayatkan oleh Imam Al-Bazzar dan Imam Abu Ya'la. Kami meriwayatkan dari Saiyidina Ibnu Umar dan Saiyidina Abu

Hurairah رضي الله عنهما kedua-duanya berkata bahawa Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

43- مَن مَشَى فِي حَاجَةِ أَخِيهِ أَظَلَّهُ اللهُ بِخَمسَةٍ وَسَبعِينَ أَلفَ مَلَكٍ حَتَّى يَفرُغَ فَإِذَا فَرَغَ كَتَبَ اللهُ لَهُ أَجرَ حَجَّةٍ وَعُمرَةٍ.

"Barang siapa berjalan menolong hajat saudaranya Allah akan memayunginya dengan tujuh puluh lima ribu malaikat sehingga dia selesai, apabila dia selesai Allah menuliskan baginya pahala haji dan umrah".

Hadis Kedua Puluh Lima

عَن سَيِّدِنَا أَبِي هُرَيرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنهُ قَالَ : قَالَ رَجُلٌ يَا رَسُولَ اللهِ أَيُّ العَمَلِ أَفضَلُ؟ قَالَ : أَن تُدخِلَ عَلَى أَخِيكَ الـمُسلِمِ سُرُورًا أَو تَقضِي عَنهُ دَينًا أُو تُطعِمُهُ خُبزًا.

Dari Saiyidina Abu Hurairah رضي الله عنه sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

"Seorang lelaki berkata : "Ya Rasulalah apakah amalan yang paling afdhal?", maka jawab Baginda : "Engkau memasukkan kegembiraan dalam diri saudara Muslimmu, atau engkau membayarkan hutangnya, atau engkau memberinya makan roti".

Aku berkata : Hadis ini diriwayatkan oleh Imam At-Thabrani dalam Makarimul Akhlak. Kami meriwayatkan dari Saiyidina Abu Saeed Al-Khudri رضي الله عنه sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

45- إِنَّ أَبدَالَ أُمَّتِي لَـم يَدخُلُوا الـجَنَّـةَ بِالأَعمَالِ وَلَكِن دَخَلُوهَا بِرَحـمَةِ اللهِ وَسَخَاوَةِ النَّفسِ وَسَلَامَةِ الصُّدُورِ وَالرَّحـمَةِ لِـجَمِيعِ الـمُسلِمِينَ.

"Sesungguhnya wali-wali Abdal kalangan umatku itu tidaklah mereka masuk syurga sebab amalan, tapi mereka memasukinya dengan sebab rahmat Allah, kepemurahan dan hati yang bersih serta rahmat kepada seluruh Muslimin".

Hadis Kedua Puluh Enam

عَن سَيِّدِنَا سَمُرَةَ بنِ جُندُبٍ رَضِيَ اللهُ عَنهُ قَالَ : قَالَ سَيِّدُنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ :

أَفضَلُ الصَّدَقَةِ صَدَقَةُ اللِّسَانِ. قِيلَ يَا رَسُولَ اللهِ وَمَا صَدَقَةُ اللِّسَانِ؟ قَالَ : الشَّفَاعَةُ تَفُكُّ بِهَا الأَسِيرَ وَتُـحقِنُ بِهَا الدَّمَ وَتَـجُرُّ بِهَا المَعرُوفَ إِلَى أَخِيكَ وَتَدفَعُ عَنهُ كُربَتَهُ.

Dari Saiyidina Samurah Bin Jundub رضي الله عنه sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

"Sedekah yang paling afdhal adalah sedekah lisan", maka ditanyakan kepada Baginda : "Ya Rasulallah, apakah sedekah lisan itu", jawab Baginda : "Syafaat yang dengannya engkau

melepaskan orang tertawan, menghalang pertumpahan darah, mengalirkan kebaikan kepada saudaramu dan menolak darinya kesusahannya".

Aku berkata : Hadis ini diriwayatkan oleh At-Thabrani dalam Makarimul Akhlak. Riwayat ini dikuatkan oleh hadis *marfu'* yang kami riwayatkan dalam kitab Isthina' Al-Makruf karya Imam Al-Kharaithi dari Saiyidina Samurah Bin Jundub رضي الله عنه sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

47- مَا مِن صَدَقَةٍ أَفضَلُ مِن صَدَقَةِ اللِّسَانِ. قَالَ وَكَيفَ ذَلِكَ يَا رَسُولَ اللهِ؟ الشَّفَاعَةُ تُـحقِنُ بِهَا الدَّمَ وَتَـجُرُّ بِهَا الـمَنفَعَةَ إِلَى آخَرٍ وَتَدفَعُ بِهَا الـمَكرُوهَ عَن آخَرٍ.

"Tiada amalan yang lebih afdhal dari sedekah lisan", sahabat bertanya : "Bagaimana itu ya Rasulallah?", maka jawab Baginda : "Syafaat yang dengannya engkau menahan pertumpahan darah, dengannya engkau mengalirkan manfaat kepada orang lain dan dengannya engkau menolak bencana dari orang lain".

Hadis Kedua Puluh Tujuh

عَن سَيِّدِنَا أَبِي هُرَيرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنهُ قَالَ : قَالَ سَيِّدُنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ :

إِذَا عَادَ الـمُسلِمُ أَخَاهُ أَو زَارَهُ فِي اللهِ يَقُولُ اللهُ عَزَّ وَجَلَّ طِبتَ وَطَابَ مِـمشَاكَ وَتَبَوَّأتَ فِي الـجَـنَّةِ مَـنـزِلًا.

Dari Saiyidina Abu Hurairah رضي الله عنه dari Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

"Jika seorang Muslim melawat saudaranya yang sakit atau menziarahinya kerana Allah maka Allah Azza wa Jalla berfirman kepadanya : "baiklah engkau dan baiklah perjalananmu dan engkau telah mengambil rumah kediaman di dalam syurga".

Aku berkata : Hadis ini dikeluarkan oleh Imam Ibnu Majah, Imam At-Tirmizi, Imam Abu Hatim dan Imam Al-Baghowi. Kami meriwayatkan satu hadis marfu' dari Imam At-Tirmizi dari Saiyidina Ali رضي الله عنه:

49- مَا مِن مُسلِمٍ يَعُودُ مُسلِـمًا غُدوَةً إِلَّا صَلَّى عَلَيهِ سَبعُونَ أَلفَ مَلَكٍ حَتَّى يُمسِيَ وَلَا يَعُودُهُ مَسَاءً إِلَّا صَلَّى عَلَيهِ سَبعُونَ أَلفَ مَلَكٍ حَتَّى يُصبِـحَ وَكَانَ لَهُ خَرِيفٌ فِي الـجَنَّةِ.

"Tiadalah seorang Muslim melawat saudara Muslimnya yang sakit waktu pagi melainkan tujuh puluh ribu malaikat berselawat kepadanya hingga ke petang, dan tidaklah dia melawati yang sakit itu waktu petang melainkan tujuh puluh ribu malaikat berselawat ke atasnya hingga pagi, dan baginya ganjaran satu kebun di syurga".

Adapun makna "baginya ganjaran satu kebun di syurga bererti amalannya itu mewajibkan dia beroleh syurga dan perkebunannya.

Hadis Kedua Puluh Lapan

عَن سَيِّدِنَا أَبِي هُرَيرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنهُ قَالَ : قَالَ سَيِّدُنَا رَسُولُ الله صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ :

الـمُؤمِنُ مِرآةُ الـمُؤمِنِ الـمُؤمِنُ أَخُو الـمُؤمِنِ مِن حَيثُ لَقِيَهُ يَكُفُّ عَلَيهِ ضَيعَتَهُ وَيُـحَوِّطُهُ مِن وَرَائِـهِ.

Dari Saiyidina Abu Hurairah رضي الله عنه sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

"Seorang Mukmin adalah cermin bagi Mukmin yang lain, seorang Mukmin adalah saudara bagi Mukmin yang lain; di mana saja dia menemuinya dia menahan lidahnya dari menyebut keaiban saudaranya dan dia melindungi saudaranya dari belakangnya".

Aku berkata : Hadis ini diriwayatkan oleh Imam At-Thabrani dan Imam At-Tirmizi turut mengeluarkan hadis dengan makna yang sama.

Hadis Kedua Puluh Sembilan

عَن سَيِّدِنَا أَبِي هُرَيرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنهُ قَالَ : قَالَ سَيِّدُنَا رَسُولُ الله صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ : تَدرُونَ مَا يَقُولُ الأَسَدُ فِي زَئِيرِهِ؟ قَالُوا اللهُ وَرَسُولُهُ أَعلَمُ. قَالَ : يَقُولُ اللَّهُمَّ لَا تُسَلِّطنِي عَلَى أَحَدٍ مِن أَهلِ الـمَعرُوفِ.

Dari Saiyidina Abu Hurairah رضي الله عنه sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

"Tahukah kamu apa yang diucapkan oleh singa dalam ngaumnya?", kata para sahabat : "Allah dan RasulNya lebih mengetahui", maka sabda Baginda : "Singa berkata : Allahumma janganlah Engkau jadikan aku mengerasi ke atas seorang ahli makruf".

Aku berkata : Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Abu Mansur Ad-Dailami dalam kitab Al-Firdaus dan Imam At-Thabrani.

Hadis Ketiga Puluh

عَن سَيِّدِنَا عَبدِ اللهِ بنِ أَبِي بَكرٍ بنِ حَزمٍ عَن أَبِيهِ عَن جَدِّهِ رَضِيَ اللهُ عَنهُم عَن سَيِّدِنَا النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ أَنَّـهُ قَالَ:

مَن عَادَ مَرِيضًا لَا يَزَالُ يَـخُوضُ فِي الرَّحـمَةِ حَتَّى إِذَا قَعَدَ اسْتَنـقَعَ فِيهَا ثُمَّ إِذَا رَجَعَ لَا يَزَالُ يَـخُوضُ فِيهَا حَتَّى يَرجِـعَ مِن حَيثُ جَاءَ.

Dari Saiyidina Abdullah Bin Abu Bakr Bin Hazm, dari bapanya, dari datuknya رضي الله عنهم sabda Baginda Nabi صلى الله عليه وسلم:

"Barang siapa pergi melawat orang sakit tetaplah dia mengharung rahmat hinggalah dia duduk (di sisi pesakit) maka waktu itu dia telah sampai ke dasar rahmat. Kemudian apabila si pelawat pulang tetaplah dia mengharung rahmat hinggalah dia sampai kembali di tempat mana datangnya".

Aku berkata : Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Abu Daud dan Imam Abu Hatim.

Hadis Ketiga Puluh Satu

عَن سَيِّدِنَا أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنهُ قَالَ : قَالَ سَيِّدُنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ :
مَن أَنعَشَ حَقًّا بِـلِسَانِهِ جَرَى لَهُ أَجرُهُ حَتَّى يَأتِيَ يَومَ القِيَامَةِ فَيُوَفِّيهِ ثَوَابَهُ.

Dari Saiyidina Anas رضي الله عنه sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

"Barang siapa menyegarkan suatu yang benar dengan lidahnya akan mengalirlah kepadanya pahala amalannya itu sehingga dia datang ke hari Kiamat lalu mendapat ganjarannya dengan sempurna".

Aku berkata : Hadis ini diriwayatkan oleh Imam At-Thabrani dalam Makarimul Akhlak.

Hadis Ketiga Puluh Dua

عَن سَيِّدِنَا أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنهُ قَالَ : قَالَ سَيِّدُنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ :
وَالَّذِي نَفسِي بِيَدِهِ لَا يَضَعُ اللهُ الرَّحـمَةَ إِلَّا عَلَى رَحِيمٍ. قُلنَا يَا رَسُولَ اللهِ كُلُّنَا رَحِيمٌ. قَالَ لَيسَ الَّذِي يَرحَمُ نَفسَهُ وَأَهلَهُ خَاصَّةً وَلَكِنَّ الَّذِي يَرحَمُ الـمُسلِمِينَ.

Dari Saiyidina Anas رضي الله عنه sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

"Demi Allah Tuhan yang diriku berada dalam tanganNya tidaklah Allah meletakkan rahmat melainkan kepada orang yang punya belas kasihan", lalu kami para sahabat berkata : "Wahai Rasulallah, kami semua punya belas kasihan", maka sabda Baginda : "Bukanlah orang yang punya belas kasihan itu manusia yang cuma belas kasihan pada diri dan keluarganya saja, tetapi yang belas kasihan terhadap seluruh Muslimin".

Aku berkata : Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Abu Ya'la dan Imam At-Thabrani. Bagi hadis ini ada hadis-hadis lain yang menyokongnya dari kitab-kitab soheh. Diriwayatkan satu hadis marfu' dari Saiyidina Jarir Bin Abdullah رضي الله عنهما:

55 – مَن لَا يَرحَمُ لَا يُرحَمُ وَمَن لَا يَغفِرُ لَا يُغفَرُ.

"Barang siapa yang tidak merahmati dia tidak dirahmati dan barang siapa yang tidak mengampuni dia tidak diampuni".

Lagi telah bersabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

56 – اِرحَـمُوا تُرحَـمُوا وَاغفِرُوا يُغفَرُ لَكُم.

"Rahmatilah nescaya kamu sekalian akan dirahmati dan ampunilah nescaya kamu sekalian akan diampuni".

Telah sabit hadis *marfu'* dalam kitab Al-Mustadrak yang dihimpun oleh Imam Al-Hakim dari Saiyidina Abu Musa Al-Asyaari رضي الله عنه:

57 – لَن تُؤمِنُوا حَتَّى تَـحَابُّوا. أَفَلَا أَدُلُّكُم عَلَى مَا تَـحَابُّونَ عَلَيهِ؟ قَالُوا بَلَى يَا رَسُولَ الله. قَالَ : اِفشُوا السَّلَامَ بَينَكُم تَـحَابُّوا وَالَّذِي نَفسِي بِيَدِهِ لَاتَدخُلُونَ الـجَنَّةَ حَتَّى تَـرَاحَـمُوا. قَالُوا كُلُّنَا رَحِيمٌ. قَالَ إِنَّهُ لَيسَ بِرَحـمَةِ أَحَدِكُم – يَعنِي نَفسَهُ وَأَهلَ خَاصَّتِهِ– وَلَكِن رَحـمَةَ العَامَّةِ رَحـمَةَ العَامَّةِ.

"Kamu semua tidak beriman (dengan sempurna) sehinggalah kamu saling berkasih sayang. Tidak mahukah kamu aku tunjukkan kepada perkara yang membuat kamu berkasih sayang sesama kamu?", para sahabat berkata : 'Bahkan ya Rasulallah!", maka sabda Baginda : "Tebarkanlah salam kesejahteraan sesama kamu nescaya kamu akan berkasih sayang, demi Tuhan yang diriku berada dalam tanganNya kamu sekalian takkan masuk syurga sehinggalah kamu saling rahmat-merahmati", para sahabat berkata : "Semua kami punya sifat rahmat", maka sabda Baginda : "Sesungguhynya itu bukan rahmatmu yang peribadi -ertinya hanya untuk dirinya dan orang-orang yang dekat dengannya sahaja- akan tetapi rahmat yang merata kepada semua, rahmat yang merata kepada semua".

Hadis Ketiga Puluh Tiga

عَن سَيِّدِنَا أَبِي هُرَيرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنهُ قَالَ : قَالَ سَيِّدُنَا رَسُولُ الله صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ :

مَن أَقَالَ مُسلِـمًا عَثرَتَهُ أَقَالَهُ اللهُ يَومَ القِيَامَةِ.

Dari Saiyidina Abu Hurairah رضي الله عنه sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

"Barang siapa yang memaafkan keterlanjuran seorang Muslim nescaya Allah Akan memaafi keterlanjurannya di hari Kiamat".

Aku berkata : Hadis ini diriwayatkan oleh Imam At-Thabrani, Imam Ibnu Hibban, Imam Abu Daud dan Imam Ibnu Majah.

Hadis Ketiga Puluh Empat

عَن سَيِّدِنَا ابنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنهُمَا قَالَ : قَالَ سَيِّدُنَا رَسُولُ الله صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ :

قَالَ اللهُ عَزَّ وَجَلَّ : أَنَا اللهُ قَدَّرتُ الـخَيرَ وَالشَّرَّ فَطُوبَى لِـمَن جَعَلتُ مَفَاتِيحَ الـخَيرِ عَلَى يَدَيهِ وَوَيلٌ لِـمَن جَعَلتُ مَفَاتِيحَ الشَّرِّ عَلَى يَدَيهِ.

Dari Saiyidina Ibnu Abbas رضي الله عنهما sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

"Allah Azza wa Jalla berfirman : Akulah Allah, Aku telah mentakdirkan kebaikan dan kejahatan, maka beruntunglah siapa yang aku jadikan anak-anak kunci kebaikan di tangannya dan celakalah bagi siapa yang aku jadikan anak-anak kunci kejahatan di tangannya".

Aku berkata : Hadis ini diriwayatkan oleh Imam At-Thabrani. Kami meriwayatkan dari Sunan Ibnu Majah hadis marfu' dari Saiyidina Sahl Bin Saad As-Sa`idi رضي الله عنه:

60 – إِنَّ هَذَا الـخَيرَ خَزَائِنٌ وَلِتِلكَ الخَزَائِنِ مَفَاتِيحُ. فَطُوبَى لِـمَن جَعَلَهُ اللهُ مِفتَاحًا لِلـخَيرِ مِغلَاقًا لِلشَّرِّ. وَوَيلٌ لِعَبدٍ جَعَلَهُ اللهُ مِغلَاقًا لِلخَيرِ وَمِفتَاحًا لِلشَّرِّ.

"Sesungguhnya kebaikan adalah berbagai perbendaharaan dan berbagai perbendaharaan itu ada anak kuncinya. Maka bertuahlah bagi siapa yang Allah jadikan dia anak kunci bagi kebaikan dan penutup bagi kejahatan, dan celakalah bagi siapa yang Allah jadikan dia penutup bagi kebaikan dan anak kunci bagi kejahatan".

Sebuah hadis *marfu'* diriwayatkan dari Saiyidina Anas Bin Malik رضي الله عنه kata beliau:

61 – مَن ذُكِرَ عِندَهُ أَخُوهُ الـمُسلِمُ وَهُوَ يَستَطِيعُ أَن يَنصُرَهُ فَلَم يَنصُرهُ أَذَلَّهُ اللهُ بِهَا فِي الدُّنيَا وَالآخِرَةِ. وَمَن ذُكِرَ عِندَهُ أَخُوهُ الـمُسلِمُ فَنَصَرَهُ نَصَرَهُ اللهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى بِهَا فِي الدُّنيَا وَالآخِرَةِ.

"Barang siapa yang disebutkan di sisinya (kesusahan) saudara Muslimnya dan dia mampu menolong tapi dia tidak menolongnya maka Allah akan menghinakan dia dengan perbuatannya itu di dunai dan Akhirat. Barang siapa yang disebutkan di sisinya (kesusahan) saudara Muslimnya lalu dia menolongnya maka Allah akan menolongnya dengan perbuatannya itu di dunia dan Akhirat".

Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Abu Bakr Al-Kharaithi.

Hadis Ketiga Puluh Lima

عَن سَيِّدِنَا أَبِي بَكرٍ الصِّدِّيقِ رَضِيَ اللهُ عَنهُ قَالَ : قَالَ سَيِّدُنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ :
قَالَ اللهُ عَزَّ وَجَلَّ : إِن كُنتُم تُرِيدُونَ رَحـمَتِي فَارحَـمُوا خَلقِي.

Dari Saiyidina Abu Bakr As-Siddiq رضي الله عنه sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

"Allah Azza wa Jalla berfirman : Jika kamu mahu rahmatKu maka rahmatilah makhluk ciptaanKu".

Aku berkata : Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Ahmad Bin `Adiy dalam kitab Al-Kamil.

Hadis Ketiga Puluh Enam

عَن سَيِّدِنَا أَبِي بُردَةٍ عَن أَبِيهِ عَن جَدِّهِ رَضِيَ اللهُ عَنهُم قَالَ : قَالَ سَيِّدُنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ :

مَثَلُ الـمُؤمِنِينَ فِيمَا بَينَهُم كَمَثَلِ البُنيَانِ يَمسِكُ بَعضُهُ بَعضًا أَو يَشُدُّ بَعضُهُ بَعضًا.

Dari Saiyidina Abu Burdah, dari ayahnya, dari datuknya رضي الله عنهم sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

"Bentuk hubungan sesama mereka yang beriman itu ibarat satu bangunan yang saling pegang memegang atau teguh meneguh antara satu dengan yang lainnya".

Aku berkata : hadis ini diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari dan Imam Muslim. Kami meriwayatkan sebuah hadis *marfu'* dari jalan Imam At-Thabrani dari As-Sya'bi dari Saiyidina An-Nu'man Bin Basyir رضي الله عنهما:

64- مَثَلُ الـمُؤمِنِينَ فِي تَرَاحُـمِهِم وَتَوَادِّهِم وَتَوَاصُلِهِم كَمَثَلِ الـجَسَدِ إِذَا اشْتَكَى مِنهُ عُضوٌ تَدَاعَى لَهَ سَائِرُ الـجَسَدِ بِالـحُمَّى وَالسَّحَرِ.

"Perumpamaan mereka yang beriman pada rahmat-merahmati, kasih sayang dan perhubungan mereka ibarat satu jasad; jika satu anggotanya mengadu sakit maka seluruh anggota badan akan turut demam dan berjaga malam kerananya".

Mengenai hadis ini Imam At-Thabrani berkata : "Aku telah bermimpi bertemu junjungan Nabi صلى الله عليه وسلم lalu bertanyalah aku kepada Baginda tentang hadis ini, maka sabda Baginda Nabi صلى الله عليه وسلم seraya mengisyaratkan dengan tangannya : "Soheh soheh soheh", -tiga kali-.

Hadis Ketiga Puluh Tujuh

عَن سَيِّدِنَا عَبدِ اللهِ بنِ مُحَمَّد بنِ أَبِي بَكرِ بنِ حَزمٍ عَن أَبِيهِ عَن جَدِّهِ رَضِيَ اللهُ عَنهُم قَالَ : قَالَ سَيِّدُنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ :

مَا مِن مُسلِمٍ يُعَزِّي أَخَاهُ فِي مُصِيبَتِهِ إِلَّا كَسَاهُ اللهُ مِن حُلَلِ الكَرَامَةِ يَومَ القِيَامَةِ.

Dari Saiyidina Abdullah Bin Abu Bakr Bin Hazm, dari ayahnya, dari datuknya رضي الله عنهم sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

"Tidaklah seorang Muslim mentakziahi saudaranya yang ditimpa musibah melainkan Allah memakaikannya dengan berbagai perhiasan kemuliaan di hari Kiamat".

Aku berkata : Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Al-Baihaqi.

Hadis Ketiga Puluh Lapan

عَن سَيِّدَتِنَا أُمِّ الدَّردَاءِ رَضِيَ اللهُ عَنهَا قَالَت : قَالَ سَيِّدُنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ : أَلَا أُخبِرُكُم بِأَفضَلِ مِن دَرَجَةِ الصِّيَامِ وَالصَّلَاةِ وَالصَّدَقَةِ ؟ قَالُوا بَلَى يَا رَسُولَ اللهِ. قَالَ : صَلَاحُ ذَاتِ البَينِ وَفَسَادُ ذَاتِ البَينِ هِيَ الـحَالِقَةُ.

Dari Saiyidatina Ummud Darda' رضي الله عنها sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

"Mahukah kamu aku khabarkan sesuatu yang terlebih afdhal dari darjat puasa solat dan sedekah?", para sahabat menyahut : "Bahkan mahu ya Rasulallah", sabda Baginda : "Baik hubungan antara dua belah pihak, (adapun) rosak hubungan antara dua belah pihak adalah pencukur".

Aku berkata : Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Abu Daud dan Imam At-Tirmizi dari hadis Saiyidatina Ummud Darda' رضي الله عنها yang di*marfu'*kan kepada Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم.

Yang dimaksudkan oleh Saiydina Rasulullah صلى الله عليه وسلم dengan rosak hubungan dua belah pihak ialah permusuhan dan kebencian. Erti pencukur ialah yang membuang agama. Kami riwayatkan sebuah hadis bahawa junjungan Baginda Nabi صلى الله عليه وسلم bersabda :

67 – دَبَّ إِلَيكُم دَاءُ الأُمَمِ قَبلَكُم ؛ الـحَسَدُ وَالبَغضَاءُ هِيَ الـحَالِقَةُ. لَا أَقُولُ تَـحلُقُ الشِّعرَ وَلَكِن تَـحلُقُ الدِّينَ.

"Telah menjalar kepada kamu sekalian penyakit umat-umat yang ssebelum kamu; hasad dengki dan benci-membenci, inilah yang mencukur. Tidak aku katakan mencukur rambut, akan tetapi mencukur agama".

Hadis Ketiga Puluh Sembilan

عَن سِيدِي سَعِيدِ بنِ الـمُسَيِّبِ عَن سَيِّدِنَا أَبِي هُرَيرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنهُ قَالَ : قَالَ سَيِّدُنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ : يُنَادِي مُنَادٍ يَومَ القِيَامَةِ : لَا يَقُومُ اليَومَ إِلَّا أَحَدٌ لَهُ عِندَ اللهِ يَدٌ! فَتَقُولُ الـخَلَائِقُ : سُبحَانَكَ! بَل لَكَ اليَدُ. فَيَقُولُ ذَلِكَ مِرَارًا فَيَقُولُ : بَلَى! مَن عَفَا فِي الدُّنيَا بَعدَ قُدرَةٍ.

Dari Sidi Saeed Bin Al-Musaiyib, dari Saiyidina Abu Hurairah sabda Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

"Ada satu penyeru yang akan menyeru di hari Kiamat : "Ketahuilah! Pada hari ini jangan ada sesiapa yang bangun melainkan siapa yang punya budi kepada Allah!", maka berkatalah berkatalah sekalian makhluk : "Maha Suci Engkau wahai Tuhan! Bahkan bagimulah budi", penyeru itu mengulang seruannya berkali-kali dan akhirnya berkata : "Bahkan (ada yang berjasa kepada Allah)! Yaitu siapa yang di dunia memaafkan sedangkan dia mampu untuk membalas".

Aku berkata : Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Abu Mansur Ad-Dailami dalam Musnad Al-Firdaus. Kami meriwayatkan dalam kitab Makarimul Akhlak karya Imam At-Thabrani hadis *marfu'* dari Saiyidina Anas رضي الله عنه:

69 – إِذَا وَقَفَ العَبدُ لِلحِسَابِ يُنَادِي مُنَادٍ : لِيَقُم مَن أَجرُهُ عَلَى اللهِ فَليَدخُلِ الـجَنَّةِ! ثُمَّ يُنَادِي الثَّانِيَةَ : لِيَقُم مَن أَجرُهُ عَلَى اللهِ! فَيُقَالُ : وَمَن أَجرُهُ عَلَى اللهِ؟ فَيُقُولُ : العَافُونَ عَنِ النَّاسِ. فَقَامَ كَذَا وَكَذَا فَدَخَلُوهَا بِغَيرِ حِسَابٍ.

"Apabila berhenti segala hamba Allah untuk dihitung amalannya akan berserulah satu penyeru : "Hendaklah sesiapa yang pahalanya atas tanggungan Allah bangun sekarang dan masuklah ke dalam syurga!", kemudia dia menyeru kali kedua : ""Hendaklah sesiapa yang pahalanya atas tanggungan Allah bangun sekarang!", lalu ditanyakan : "Siapakah dia yang pahalanya ditanggung Allah itu?", maka penyeru itu berkata : "Mereka yang memaafkan orang lain", maka bangunlah begian-begian lalu masuk ke syurga tanpa dihisab".

Hadis Keempat Puluh

عَن سَيِّدِنَا ابنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنهُمَا قَالَ : قِيلَ يَا رَسُولَ اللهِ أَيُّ النَّاسِ أَحَبُّ إِلَيكَ؟ قَالَ : أَنفَعُ النَّاسِ لِلنَّاسِ. قَالَ : فَأَيُّ العَمَلِ أَفضَلُ؟ قَالَ : إِدخَالُكَ السُّرُورَ عَلَى الـمُؤمِنِ. قِيلَ يَا رَسُولَ اللهِ وَمَا سُرُورُ الـمُؤمِنِ؟ قَالَ : إِشبَاعُ جَوعَتِهِ وَتَنفِيسُ كُربَتِهِ وَقَضَاءُ دَينِهِ. وَمَن مَشَى مَعَ أَخِيهِ فِي حَاجَةٍ كَانَ كَصِيَامِ شَهرٍ أَوِ اعْتِكَافِهِ وَمَن مَشَى مَع مَظلُومٍ يُعِينُهُ ثَبَّتَ اللهُ قَدَمَيهِ يومَ تَزِلُّ الأَقدَامِ. وَمَن كَفَّ غَضَبَهُ سَتَرَ اللهُ عَورَتَهُ وَإِنَّ الـخُلُقَ السَّيِّءَ يُفسِدُ العَمَلَ كَمَا يُفسِدُ الـخَلُّ العَسَلَ.

Dari Saiyidina Ibnu Umar رضي الله عنهما beliau berkata bahawa telah dikatakan kepada Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

"Ya Rasulallah siapakah manusia yang paling kau cintai?", jawab Baginda : "Manusia yang paling memberi manfaat kepada manusia lain", lalu dikatakan lagi : "Amalan apakahyang paling afdhal?", jawab Baginda : "Engkau memasukkan kegembiraan ke dalam diri orang Mukmin", lalu dikatakan lagi : "Ya Rasulallah, apakah dia kegembiraan orang Mukmin?", jawab Baginda : "Mengenyangkan kelaparannya, melepaskan dia dari kesulitan dan membayarkan hutangnya. Barang siapa berjalan bersama saudaranya untuk menolong hajat saudaranya itu maka amalannya itu umpama berpuasa sebulan atau beriktikaf sebulan. Barang siapa berjalan dengan orang yang dizalimi untuk menolongnya nescaya Allah akan menetapkan dua kakinya ketika segala kaki gelincir. Barang siapa menahan marahnya nescaya Allah Akan menutupi auratnya. Dan sesungguhnya akhlak buruk itu merosakkan amalan baik seperti cuka merosakkan madu".

Aku berkata : Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Muhammad Bin Fairuz Al-`Asqalani. Kami meriwayatkan dari kitab Al-Mu'jam Al-Kabir dan Al-Ausath dan As-Saghir dari Saiyidina Ibnu Umar رضي الله عنه:

71– أَنَّ رَجُلًا جَاءَ إِلَى سَيِّدِنَا النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ : يَا رَسُولَ اللهِ أَيُّ النَّاسِ أَحَبُّ إِلَى اللهِ وَأَيُّ الأَعمَالِ أَحَبُّ إِلَى اللهِ؟ فَقَالَ سَيِّدُنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ : أَحَبُّ النَّاسِ إِلَى اللهِ تَعَالَى أَنفَعُهُم لِلنَّاسِ وَأَحَبُّ الأَعمَالِ إِلَى اللهِ عَزَّ وَجَلَّ سُرُورٌ تُدخِلُهُ عَلَى مُسلِمٍ أَو تَكشِفُ عَنهُ كُربَةً أَو تَقضِي عَنهُ دَينَهُ أَو تَطرُدُ عَنهُ جُوعًا. وَلَأَن أَمشِي مَعَ أَخٍ لِي فِي حَاجَةٍ أَحَبُّ إِلَيَّ مِن أَن أَعتَكِفَ فِي هَذَا الـمَسجِدِ شَهرًا فِي مَسجَدِ الـمَدِينَةِ. وَمَن كَفَّ غَضَبَهُ سَتَرَ اللهُ عَورَتَهُ وَمَن كَظَمَ غَيظَهُ وَلَو شَاءَ أَن يُـمضِيَهُ أَمضَاهُ مَلَأَ اللهُ قَلبَهُ رَجَاءً يَومَ القِيَامَةِ. وَمَن مَشَى مَعَ أَخِيهِ فِي حَاجَةٍ حَتَّى يُثَبِّـتَهَا ثَـبَّتَ اللهُ قَدَمَيهِ يَومَ تَزِلُّ الأَقدَامُ.

"Sesungguhnya ada seorang lelaki datang kepada junjungan Nabi صلى الله عليه وسلم lalu berkata : "Ya Rasulallah! Siapakah manusia yang lebih dicintai Allah dan apakah amalan yang lebih dicintai Allah?", maka Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم menjawab : "Manusia yang lebih dicintai Allah Taala adalah manusia yang paling memberi manfaat kepada manusia lain, dan amalan yang lebih dicintai Allah Azza wa Jalla adalah kegembiraan yang engkau masukkan kepada diri seorang Muslim, atau engkau melepaskan dia dari kesusahan, atau engkau membayarkan hutangnya, atau engkau menghalau kelaparan darinya.

Sungguh lebih aku sukai bahawa aku berjalan bersama seorang saudaraku bagi menolong hajatnya itu lebih aku cintai dari duduk beriktikaf sebulan di masjid ini Masjid Kota Madinah. Barang siapa mencegah marahnya nescaya Allah akan menutup auratnya. Barang siapa menahan radangnya sedangkan jika dia mahu melepaskannya nescaya dia melepaskannya Allah akan memenuhi hatinya dengan pengharapan di hari Kiamat. Dan barang siapa berjalan dengan saudaranya untuk menolong hajat si saudara sehingga dia menetapkannya Allah akan menetapkan dua kakinya di hari gelincir segala kaki".

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحبِهِ وَسَلَّمَ

تَـمَّت بِحَمدِ اللهِ وَعَونِهِ وَحُسنِ تَوفِيقِهِ

Tamatlah sudah kitab ini dengan pujian kepada Allah,
serta pertolonganNya dan taufikNya yang molek.

----

*Selesai menterjemah sejurus azan asar hari Rabu 10 Jamadil Awal 1435H bersamaan 12 Mac 2014M di Zawiyah As-Syaziliyyah Shah Alam dengan puji dan syukur kepada Allah beserta selawat salam buat junjungan agung Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صلى الله عليه وسلم.

Rujukan Penterjemah

- الترغيب والترهيب من الحديث الشريف، الإمام الحافظ زكي الدين عبدالعظيم بن عبدالقوي المنذري (ت656هـ)، شرح الشيخ مصطفى محمد عمارة، دار الحديث، القاهرة، 1407هـ\1987م.

- أربعون حديثا في اصطناع المعروف، الإمام الحافظ زكي الدين عبدالعظيم بن عبدالقوي المنذري (ت656هـ)، تحقيق : محمد بن تاويت الطنجي، وزارة الأوقاف والشؤون الإسلامية، مطبعة الفضالة، المحمدية المغرب، 1405هـ\1985م.

- الأربعون حديثا في قضاء حوائج المسلمين (مخطوط)، الإمام الحافظ زكي الدين عبدالعظيم بن عبدالقوي المنذري، http://www.al-mostafa.info/data/arabic/depot/gap.php?file=m010337.pdf